

(9)  
Ucapan : ADHO  
404  
23/80

Uchapan Y.B. Menteri Pelajaran, Enche Hussain Onn di-Persidangan Ketua2 Pegawai Pelajaran Yang Ke-41 di-Kuala Lumpur pada 8hb Disember, 1970, pukul 9.00 pagi di-Maktab Perguruan Ilmu Khas, Kuala Lumpur.

-----

Ini adalah kali kedua saya berpeluang berjumpa dan menyampaikan ucapan kepada semua Ketua2 Pegawai Pelajaran. Perjumpaan kita yang pertama ialah lebeh kurang sa-bulan dahulu tetapi sakejap sahaja.

Kali ini, kita bersama2 mengadakan persidangan yang ka-empat puluh satu. Tidak payahlah saya menegaskan lagi bahawa negara kita ini adalah melangkah ka-perengkat baru di-dalam riwayat-nya, iaitu ka-perengkat memperkukuhkan segala bidang yang telah di-chapai oleh-nya; perengkat mengenal dan memperbaiki kesilapan2, dan perengkat menchapai lagi kemajuan, khas-nya di-dalam bidang pelajaran.

Kita berjumpa hari ini untuk bersama2 membincangkan masa'alah2 praktikal yang kita hadapi dalam pekerjaan kita dari sa-hari ka-sahari dan juga membincangkan masa'alah2 berhubong dengan pelaksanaan dasar pelajaran kita. Kritik2 dari luar terhadap tuan2 dan Kementerian Pelajaran tidak-lah berkurangan. Memang sangat senang mengkritik tetapi jarang kita mendapat kritik yang membena. Sunggoh-pun demikian, tuan2 adalah pegawai2 yang mempunyai pengalaman yang lama serta perkhidmatan yang dedikasi. Saya mengetahui dan saya yakin bahawa tuan2 tidak akan berasa tawar hati dan hilang keperchayaan terhadap diri tuan2 oleh kerana kritik2 yang kadang2 di-lontarkan dengan tidak 'adil-nya kepada tuan2 sakalian. Kementerian Pelajaran sendiri telah memperolehi lebeh banyak lagi kritik2 daripada tuan2.

Kementerian Pelajaran dan jawatan perguruan adalah memikul satu tanggong-jawab yang berat. Tanggongan ini bertambah berat tiap2 tahun oleh kerana bilangan kanak2 kita yang menuntut tempat2 di-sekolah2, Maktab2 dan Unibersiti2 adalah bertambah ramai. Mereka itu adalah juga menuntut darjah dan mutu pelajaran yang lebeh baik. Kehendak2 ini mesti dan akan di-penuhi.

Saya telah menyatakan kepada tuan2 dahulu dan saya menyatakan sekali lagi bahawa tuan2 dan Kementerian Pelajaran mesti-lah berkerjasama sebagai satu pasukan. Kita adalah bersama2 di-dalam-nya dan bersama2-lah kita berkerja untuk-nya.

Saya mengalu, menghargai dan menghormati pendapat2 dan fikiran2 daripada apa juga perengkat, terutama sekali apabila fikiran2 dan pendapat2 itu datang-nya daripada tuan2 sekalian. Tuan2 bertugas di-perengkat negeri, oleh itu, tentu-lah tuan2 lebeh mengetahui dan lebeh layak kerana sama-ada memberi nasihat sa-suatu rancangan itu praktik atau pun tidak. Saya sentiasa boleh di-hubongi

oleh tuan2, seperti juga oleh orang2 yang lain, untuk membinchangkan masa'alah2 dan keperluan2 tuan2.

Kita akan sibok dalam dua hari ini. Saya yakin bahawa kita akan membinchangkan masa'alah2 kita dengan sejujur2 dan ikhlas-nya. Selain daripada perkara2 yang sedia ada di-ajenda, mungkin tuan2 memikirkan juga perkara2 seperti berikut:-

- (a) chara2 untuk mendapatkan balek dan melebehkan lagi penghormatan dan kemuliaan orang ramai terhadap jawatan perguruan;
- (b) memperbaiki chara pentadbiran di-perengkat negeri untuk memperchepatkan segala kerja dan menghapuskan "red-type".
- (c) memberi perhatian yang lebeh kapada guru2 besar dan guru2 serta membantu mereka itu dengan apa chara yang tuan2 boleh;
- (d) bagaimana hendak menyampaikan kapada murid2 sekolah Rukunegara kita serta maksud dan semangat yang terkandung di-dalam-nya;
- (e) bagaimana hendak memajukan lagi pengajaran **Falsafah Malaysia**;
- (f) bagaimana hendak memajukan lagi mutu pelajaran di-perengkat2 rendah dan menengah;
- (g) Apakah sebab2-nya **banyak bilangan murid2** berhenti dari sekolah sa-sudah tamat pelajaran rendah dan di-perengkat permulaan pelajaran menengah, terutama sekali di-sekolah2 di-kawasan2 luar bandar, dan menchari jalan untuk menyekat-nya.

Akhir-nya, saya perchaya bahawa persahabatan di-antara tuan2 dengan saya akan lebeh rapat lagi. Saya berkehendakan sokongan, persefahaman dan kerjasama tuan2 sekalian, sama seperti yang saya kehendaki daripada beribu2 orang di-negeri kita ini yang dengan tulus-ikhlas-nya mempunyai minat terhadap pelajaran anak2 kita semua.

Kementerian Pelajaran,  
Kuala Lumpur.

8hb Disember, 1970.



No Siri ..... 5  
 No Penerimaan ..... 5/80